

1
1
0
3
2

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Mei
2015
 $2\frac{1}{2}$ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1
TINGKATAN 5 2015**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha memupuk integriti dalam kalangan generasi muda dan kepentingan mengamalkan nilai integriti. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sering kali kita mendengar istilah integriti diutarakan oleh golongan profesional dan bukan profesional dalam bidang pekerjaan masing-masing bagi memupuk budaya kerja yang berdasarkan ciri-ciri tertentu. Integriti merujuk kepada sikap berpegang teguh pada prinsip kejujuran, mempunyai prinsip moral yang tinggi, dan berkewibawaan. Integriti turut dikaitkan dengan kebolehpercayaan dan sikap sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Elemen integriti dalam kalangan masyarakat seharusnya dipupuk lebih awal. Individu yang bertanggungjawab memupuk nilai integriti, antaranya ialah ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat sekeliling.

Antara perkara yang dapat dilakukan bagi menerapkan pendidikan integriti dalam kalangan remaja termasuklah ibu bapa mengamalkan kepimpinan melalui teladan. Ibu bapa perlu mengamalkan nilai integriti terlebih dahulu supaya dapat menjadi contoh kepada anak-anak mereka dan tidak menjadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus. Nilai kejujuran seharusnya diamalkan oleh ibu bapa dengan sebaik-baiknya. Hal ini dapat mengelakkan anak-anak mereka terbiasa dengan tabiat menipu. Selain itu, ibu bapa perlu mengajar anak-anak mereka tentang elemen integriti secara langsung di rumah, seperti tidak mengharapkan balasan bagi setiap kerja rumah yang dilakukan.

Pendidikan integriti melalui subjek Pendidikan Moral dan subjek Pendidikan Agama Islam mendedahkan pelajar kepada nilai-nilai murni yang tergolong dalam aspek integriti. Selain itu, dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu, guru dapat mengetengahkan peribahasa Melayu yang mengandungi unsur pengajaran dan nasihat, termasuklah dari segi tingkah laku, etika, adat dan budaya yang dapat menyemai sikap bercakap benar, amanah dan jujur untuk diperaktikkan. Zulkifli Mohamed al-Bakri, penulis buku ‘Integriti dalam Islam’ menggariskan cara-cara memupuk integriti. Antara cadangan memupuk integriti ialah remaja melakukan muhasabah atau menilai diri dengan penuh kesedaran dan pemikiran yang terbuka. Muhasabah amat penting bagi *mendorong minda* remaja untuk mengubah diri ke arah pengamalan nilai integriti.

Selain itu, perpustakaan sekolah menyediakan bahan bacaan yang menyampaikan mesej integriti untuk menyemai sikap positif dalam kalangan remaja. Oleh hal yang demikian, perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah demi membentuk generasi masa hadapan yang berintegriti. Media massa perlu memainkan peranannya dalam memberikan pendidikan integriti terhadap remaja melalui siaran iklan atau program yang menonjolkan nilai murni tersebut termasuklah iklan di televisyen, di radio dan di surat khabar. Tambahan pula, pihak media massa turut menerbitkan rancangan khas yang lebih banyak untuk remaja dengan memfokuskan penerapan moral yang baik sebagai pendidikan integriti.

Kesimpulannya, pendidikan integriti kepada remaja bukan sahaja terletak pada bahu ibu bapa malah semua pihak perlu bekerjasama dalam menyemai nilai murni ini. Oleh itu, hasrat negara untuk melahirkan warganegara yang bersahsiah mulia dan bebas daripada amalan rasuah akan dapat direalisasikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pendidikan Integriti dalam Kalangan Remaja'
oleh Nor Ameen,
Dewan Siswa, Mac 2014

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mendorong minda*. [2 markah]

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kriteria individu yang berintegriti.
Nyatakan kriteria-kriteria tersebut. [3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan sekiranya prinsip integriti tidak dijadikan amalan dalam kehidupan? [4markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bapa tidak dapat ampu ibu lagi. Pasti juga tidak boleh angkat ibu ke tandas lagi. Mujurlah yang lumpuh cuma ibu seorang. Kalau bapa juga lumpuh, entahlah. Aku tidak dapat membayangkan masalahnya.

Suatu hari, entah bagaimana, aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit. Aku sudah naik kejang kaki tangan kerana lama ampu ibu. Dan aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun. Isteriku menerpa dan apabila melihat air mata ibu sedang mengalir melalui retak-retak di pipi ibu yang kendur hodoh itu, dia mengambil tempatku.

Itulah detik-detik yang tidak dapat aku lupakan. Aku menyesal dan memohon ampun banyak-banyak daripada ibu. Aku sendiri tidak sedar sewaktu aku menjerit itu.

Barangkali niatku bukan kutujukan kepada ibu, tetapi kepada orang lain. Dan siapa orang lain itu tidak pula dapat aku pastikan. Kalau tidak kepada ibu, kepada siapa lagi kalau bukan kepada diri sendiri.

Hal itu menusuk masuk ke dalam diriku hingga ibu meninggal. Ibu meninggal dengan aman damai. Tidak sedikit pun menempuh kerumitan. Malam itu kami sudah pun berkumpul kerana ibu mulai memandang langit. Isteriku membaca *Yasin*. Aku duduk di sisi ibu sambil berbisik ke telinganya tidak putus-putus agar ibu jangan lupakan Allah.

Dipetik daripada cerpen ‘Ibu dan Ceper’
oleh Shahnon Ahmad
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang menyebabkan aku berasa menyesal? [2 markah]
- (ii) Seseorang itu tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dalam hidup.
Selain memohon maaf, apakah tindakan yang wajar anda lakukan untuk menebus kesalahan terhadap ibu bapa? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula setelah isteri Khoja Maimun mendengar kata Tiung itu maka ia pun terlalu marahnya, serta disentapkannya dari sangkarnya lalu dihempaskannya seraya katanya, “Tak kusangka engkau tiada menaruh kasihan rupanya sama perempuan!” Maka Tiung itu pun matilah. Setelah dilihat oleh Bayan kelakuan Bibi Zainab membunuh Tiung itu tiada dengan semena-mena, maka ia pun mendiamkan dirinya berbuat tidur. Maka isteri Khoja Maimun pun pergila mendapatkan Bayan itu serta dibangunkannya. Maka Bayan pun pura-pura terkejut seraya berkata, “Apakah pekerjaan tuan hamba membangunkan hamba ini dan hendak ke mana tuan maka datang malam-malam buta ini?” Maka datang ujar Bibi Zainab, “Hai Bayan, berilah aku izin supaya aku pergi mendapatkan anak raja itu, kerana aku sangat berahi akan dia! Betapakah bicaramu?”

Setelah Bayan mendengar kata isteri Khoja Maimun itu lalu ia pun fikir seketika di dalam hatinya. “Jikalau *tiada kuturutkan kehendaknya* kalau-kalau aku diperbuatnya seperti Tiung itu! Jikalau demikian, baiklah kusuruhkan ia pergi tetapi *insya-Allah* Taala perempuan ini aku perlalaikan juga akan dikau!” Setelah sudah ia berfikir itu maka ujarnya, “Hai Siti yang mulia yang amat elok paras, jikalau demikian baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu, kerana tuan sudah berjanji dengan dia, supaya jangan kedapatan kata kepada anak raja itu kelaknya! Tuan pun sangat bebal oleh bertanya kepada Tiung itu daripada sebab dia pun ingin juga, bagaimanapun adalah dengkinya juga akan tuannya, baiknya belum terlanjur fikirnya pekerjaan tuan.

Dipetik daripada
‘Hikayat Khoja Maimun’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *tiada kuturutkan kehendaknya*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang berlaku terhadap Tiung? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha lain yang boleh dilakukan oleh Khoja Maimun bagi memastikan kesetiaan isterinya? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Tradisional

Baca gurindam di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki) (Penyelenggara)
Antologi Dirgahayu Bahasaku,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang ingin disampaikan oleh penulis dalam rangkap ke-10?

*Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.*

[2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, apakah cara-cara yang dapat kita lakukan untuk mendapat keseronokan bekerja?

[3 markah]

- (iii) Nyatakan persoalan yang terdapat dalam gurindam tersebut.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap akronim** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukar atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) cerpen
- (ii) jenama
- (iii) tadika
- (iv) kugiran
- (v) jentolak
- (vi) debunga

[6 markah]

- (b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina ayat seruan dengan menggunakan kata seru yang betul. Ayat seruan yang dibina mestilah menggunakan kata seru yang berikut iaitu wah, aduh, syabas, cis, wahai dan eh.

- (i) Dengan perasaan terkejut, ayah tidak menyangka adik memenangi pertandingan pidato itu.
- (ii) Puan Ros menyeru anak-anak buahnya supaya bekerja bersungguh-sungguh.
- (iii) Dengan perasaan marah, Hang Tuah mencabar Hang Jebat untuk bertarung dengannya.
- (iv) Pengetua mengucapkan tahniah atas kejayaan para pelajar dalam peperiksaan SPM.
- (v) Pemain bola sepak itu mengeluh kesakitan kerana kakinya terseliuh.
- (vi) Dengan perasaan kagum, dia memuji keindahan panorama di pantai itu.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Kerajaan akan meneruskan ajenda perumahan negara bagi mempastikan setiap rakyat yang pendapatan rendah dan miskin memiliki rumah yang selesa tanpa terpinggirkan mana-mana kelompok masyarakat. Dalam hal ini, kerajaan akan memperkenalkan inisiatif-inisiatif baharu dan kerja sama antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri serta pelbagai syarikat pemaju diseluruh negara.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak polis telah menahan pemuda gelandangan itu kerana beliau didapati positif dadah di dalam ujian air kencing yang diadakan secara rawak.
- (ii) Batu-batu bertaburan di atas jalan raya selepas kejadian lori terbalik hingga menyebabkan kesulitan lalu lintas.
- (iii) Yang Berusaha Datuk Akmal Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Selendang akan merasmikan mini minggu bahasa sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2015.

[6 markah]

- (e) *Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.*

- (i) Tiap-tiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah sesuai dengan kemampuan kita sendiri.
- (ii) Seseorang yang tidak berasa terbeban dengan tanggungjawab yang dipikulnya.
- (iii) Kalau tidak ada yang baik sekali, yang kurang baik pun berguna.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Pengarang sering memaparkan kritikan sosial dengan mengetengahkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.
- Huraikan **dua** kepincangan yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari.
- [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu peristiwa** yang menggambarkan **nilai ketaatan** yang terdapat dalam setiap novel tersebut.
- [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

0
1
2
3
4

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
Mei 2015

1103/



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SEMESTER 1 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak

SULIT

2

1103/2

Markah Penuh : 110

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
	Jumlah Markah									20

Soalan1 : Rumusan

Pendahuluan

Markah

Petikan membincangkan isu pendidikan /pemupukan integriti dalam kalangan generasi muda di Malaysia /di negara kita. (tema) 2

Petikan membincangkan inisiatif / langkah /cara / kaedah /strategi /prosedur/teknik memupuk integriti dalam kalangan generasi muda di Malaysia/ di negara kita. 2

Rumusan ini membincangkan inisiatif / langkah /cara / kaedah /strategi /prosedur/teknik memupuk integriti dalam kalangan generasi muda dan kepentingan mengamalkan integriti. 2

*** telah diimplementasikan dalam penandaan SPM 2014**

Petikan membincangkan inisiatif /langkah /cara/ kaedah /strategi/ prosedur/ teknik memupuk integriti dalam kalangan generasi muda. 1

Petikan membincangkan usaha-usaha memupuk integriti dalam kalangan generasi muda di Malaysia/di negara kita. 0

Petikan membincangkan inisiatif / langkah/cara/kaedah/strategi/prosedur/teknik memupuk integriti dalam kalangan generasi muda dan kepentingan mengamalkan integriti di Malaysia/ di negara kita. 0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

(Usaha-usaha memupuk integriti)

- | | | |
|----|--|---|
| S1 | Elemen integriti dalam kalangan masyarakat seharusnya dipupuk lebih awal. | 2 |
| S2 | Ibu bapa mengamalkan kepimpinan melalui teladan. | 2 |
| S3 | Nilai kejujuran seharusnya diamalkan oleh ibu bapa dengan sebaik-baiknya. | 2 |
| S4 | Ibu bapa perlu mengajar anak-anak mereka tentang elemen integriti secara langsung di rumah. | 2 |
| S5 | Pendidikan integriti melalui subjek Pendidikan Moral dan subjek Pendidikan Agama Islam. | 2 |
| S6 | Guru Bahasa Melayu mengetengahkan peribahasa Melayu yang mengandungi unsur pengajaran dan nasihat. | 2 |
| S7 | Remaja melakukan muhasabah atau menilai diri (dengan penuh kesedaran dan pemikiran yang terbuka). | 2 |
| S8 | Perpustakaan sekolah menyediakan bahan bacaan yang menyampaikan mesej integriti. | 2 |

Lihat halaman sebelah

SULIT

- S9 Media massa perlu memainkan peranannya dalam memberikan pendidikan integriti terhadap remaja. 2
- S10 Media massa turut menerbitkan rancangan khas yang lebih banyak untuk remaja. 2

Isi Tersirat : (Kepentingan mengamalkan nilai integriti)

- T1 Melahirkan generasi muda yang mempunyai jati diri 2
- T2 Melahirkan masyarakat yang amanah terhadap tugas /tanggungjawab 2
- T3 Melahirkan golongan pekerja yang bertanggungjawab terhadap institusi / majikan/organisasi. 2
- T4 Mewujudkan negara yang dihormati oleh negara lain 2
- T5 Membudayakan prinsip / nilai murni dalam masyarakat 2
- T6 Mewujudkan budaya kerja berkualiti 2
- T7 Meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam pekerjaan 2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

Kesimpulannya, semua pihak harus memainkan peranan memupuk nilai integriti terhadap generasi muda agar masyarakat yang bertanggungjawab dapat dilahirkan. 2

Kesimpulannya, semua pihak harus memainkan peranan memupuk nilai integriti terhadap generasi muda. 1

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama agar masyarakat yang bertanggungjawab dapat dilahirkan.
(tidak menyentuh isu) 0

Kesimpulannya, nilai integriti hendaklah diamalkan agar masyarakat yang bertanggungjawab dapat dilahirkan.
(tiada pihak yang memainkan peranan) 0

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada :

- | | | |
|--------------|---|----------|
| Soalan 2 (a) | : | 9 markah |
| Soalan 2 (b) | : | 9 markah |
| Soalan 2 (c) | : | 8 markah |
| Soalan 2 (d) | : | 9 markah |

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d).

- (1) Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
- (2) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
- (3) Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, **berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
-jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
-jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-isi cukup dengan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat yang kurang gramatis	2
-isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat yang gramatis	
-isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat yang kurang gramatis	1
-isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
-isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat yang kurang gramatis	3
-isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat yang kurang gramatis	1
-isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

- (i) **Maksud rangkai kata mendorong minda.**

menggalakkan/ merangsang pemikiran/ fikrah/ idea/ daya berfikir 2

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) **Kriteria individu yang berintegriti iaitu**
(isi cukup – 2)

- berpegang teguh pada prinsip kejujuran	1
- mempunyai prinsip moral yang tinggi	1
- berkewibawaan	1
- kebolehpercayaan	1
- sikap sentiasa memelihara kepentingan awam	1

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) **Kesan-kesan sekiranya prinsip integriti tidak dijadikan amalan dalam kehidupan**

- Gejala rasuah terus berleluasa menyebabkan kerajaan dianggap sebagai sebuah kerajaan yang korup.	1+1
- Pecah amanah yang akan meruntuhkan sesebuah organisasi/syarikat.	1+1
- Imej negara tercalar menyebabkan keyakinan pelabur asing untuk melabur dalam sektor ekonomi berkurangan.	1+1
- Persepsi negatif terhadap penjawat-penjawat awam terutamanya pegawai-pegawai penguatkuasa.	1+1
- Budaya kerja yang baik terus akan terhakis dalam kalangan pekerja.	1+1
- Etika kerja tidak dipatuhi sehingga imej organisasi tercalar.	1+1
- Jati diri terhakis disebabkan sifat tamak dan ego.	1+1

[*Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai]

[* Sekiranya tiada huraian - 1 markah]

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

(i) Aku berasa menyesal kerana

(isi cukup – 2)

- aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak.
- aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun.
- aku tidak dapat melupakan detik-detik itu.

1

1

1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Tindakan yang wajar dilakukan untuk menebus kesalahan terhadap ibu bapa

(isi cukup – 2)

- Menerima segala teguran/nasihat daripada ibu bapa
- Membantu ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah
- Sentiasa mengambil hati mereka/tidak menyakiti hati mereka
- Melakukan aktiviti bersama-sama mereka
- Membawa mereka melancong/menunaikan umrah/haji

1

1

1

1

1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Nilai dalam petikan:

Nilai:

Tanggungjawab

Kasih Sayang

Keinsafan

Nilai lain daripada cerpen:

Kegigihan

Kesabaran

Contoh:

Aku dan isterinya menjaga ibu yang lumpuh dan sakit

1+1

Aku sentiasa berada di sisi ibu hingga ibu menghembuskan nafas terakhir

1+1

Aku benar-benar menyesal dan memohon ampun daripada ibu

1+1

Ibu tetap gigih bekerja menyara keluarga dengan bersawah padi

1+1

Ibu terpaksa bersabar melayan kerena suaminya yang kurang memberikan perhatian terhadap kebajikan keluarga

1+1

Lihat halaman sebelah

Cintai Alam Sekitar

Penduduk kampung telah melakukan pencemaran terhadap Ceper dengan membuang sampah.

1+1

[Maksimum: 4 markah]

2 (c) : Prosa Tradisional

- (i) Maksud *tiada kuturutkan kehendaknya*.
- Bayan tidak akur / patuh / memenuhi / mengikut / melayan keinginan/ kemahuan / hajat Bibi Zainab

2

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) **Perkara yang berlaku terhadap Tiung**
(isi cukup – 2)

- dimarahi isteri Khoja Maimun 1
- disentap/ditarik dari sangkarnya 1
- dihempas oleh isteri Khoja Maimun / Bibi Zainab 1
- Tiung mati 1

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) **Usaha lain yang boleh dilakukan oleh Khoja Maimun bagi memastikan kesetiaan isterinya**
(isi cukup – 2)

- menggalakkan isterinya melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan 1
- memberikan didikan agama yang secukupnya kepada Bibi Zainab 1
- meminta ahli keluarga menemani Bibi Zainab 1
- menyediakan khidmat pembantu rumah untuk menjaga Bibi Zainab 1
- meminta jiran mengawasi pergerakan Bibi Zainab 1

[Maksimum: 3 markah]

Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) : Gurindam

(i) Penulis ingin menyampaikan bahawa

- kesabaran dan ketenangan fikiran perlu
- dalam menghadapi sebarang situasi

1
1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Cara untuk mendapatkan keseronokan bekerja

(isi cukup – 2)

- bekerja dengan hati yang ikhlas dan jujur
- menganggap pekerjaan itu sebagai sebahagian daripada ibadah/ fardu kifayah
- sentiasa berfikiran positif terhadap tugas yang dilakukan
- mewujudkan hubungan yang baik dengan rakan sejawat dan majikan
- mengamalkan sikap sabar dan tenang jika berhadapan dengan sebarang masalah/tugasan
- menanam minat yang mendalam pada bidang yang dilakukan

1
1
1
1
1
1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Persoalan-persoalan:

(isi cukup – 3)

- Persoalan menghargai masa penting dalam kehidupan
- Persoalan tekun berusaha membawa kejayaan
- Persoalan kepimpinan melalui teladan
- Persoalan berfikiran tenang dalam membuat keputusan
- Persoalan berfikiran kreatif dan inovatif

1
1
1
1
1

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Soalan 3 (a)

- | | | |
|-------|----------|---|
| (i) | cerpen | - cerita pendek |
| (ii) | jenama | - jenis nama, jenis barang yang memakai nama khas yang dikeluarkan oleh pengeluar (pembuat,pengilang), tertentu. |
| (iii) | tadika | - taman didikan kanak-kanak |
| (iv) | kugiran | - kumpulan gitar rancak, pancaragam moden yang popular |
| (v) | jentolak | - jentera tolak, traktor penyodok yang kuat untuk meratakan atau mengangkut tanah, batu, dll. buldozer |
| (vi) | debunga | - debu bunga, (Bio) benih bunga jantan yang akan bersenyawa dengan benih bunga betina, serbuk halus yang terdapat pada bunga. |

[Maksimum: 6 markah]

Lihat halaman sebelah

Soalan 3 (b)

- (i) Eh, adik menang pertandingan pidato!
- (ii) Wahai anak-anak buahku, bekerjalah bersungguh-sungguh!
- (iii) Cis, Hang Jebat aku cabar kau bertarung denganku!
- (iv) Syabas, kamu semua berjaya dalam SPM dengan cemerlang!
- (v) Aduh, sakitnya kakiku!
- (vi) Wah, indahnya panorama pantai ini!

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 (c)

Salah ejaan

- (i) ajenda – agenda
- (ii) kerja sama – kerjasama
- (iii) diseluruh – di seluruh

Salah imbuhan

- (i) mempastikan – memastikan
- (ii) pendapatan – berpendapatan
- (iii) terpinggirkan – meminggirkan

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 (d)

- | | | |
|-------|--|------------------|
| (i) | beliau – dia | (kata /istilah) |
| | di dalam – dalam | (tatabahasa) |
| (ii) | batu-batu bertaburan – batu bertaburan/ batu-batu bertabur | (tatabahasa) |
| | kesulitan – kesesakan | (kata /istilah) |
| (iii) | Yang Berusaha – Yang Berhormat | (tatabahasa) |
| | mini minggu bahasa – minggu bahasa mini | (kata / istilah) |

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 (e)

- | | | |
|-------|------------------------------|---|
| (i) | ukur baju di badan sendiri | 2 |
| (ii) | alah bisa tegal biasa | 2 |
| (iii) | tiada rotan akar pun berguna | 2 |

[Maksimum: 6 markah]

Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 (a)

Pengarang sering memaparkan kritikan sosial dengan mengetengahkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.

Huraikan **dua** kepincangan yang berlaku dalam masyarakat berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari.

[7 markah]

Novel	Pernyataan isi	Huraian
Azfa Hanani	Masyarakat yang mementingkan darjat.	Tengku Muzaffar menghalang hubungan adiknya Tengku Murni dengan Ekran kerana menyangka Ekran berasal daripada keluarga miskin.
	Masyarakat yang suka berprasangka buruk.	Datuk Tengku Makmur menghina Azfa Hanani dengan mengatakan bahawa Azfa Hanani sanggup menyamar menjadi Tengku Murni hanya untuk mendapatkan upah. Beliau telah mencampakkan wang RM 500 kepada Azfa Hanani sebagai upah penyamarannya itu.
	Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.	Iskandar mendesak Azfa Hanani agar menaiki motorsikal bersamanya kerana dia mahu menghantar Azfa Hanani pulang ke rumah. Azfa Hanani menolak permintaan itu kerana menganggap perbuatan tersebut kurang ajar dan tidak sopan.
Kembara Amira	Masyarakat yang terlalu mementingkan kerjaya sehingga mengabaikan perasaan anak.	Profesor Zaidah terlalu sibuk dengan kerjayanya iaitu menjalankan kerja-kerja cari gali arkeologi di Desa Korpus sehingga anaknya Amira hampir lemas dibawa arus sungai. Sikap Profesor Zaidah telah mendapat teguran daripada Pak Lias.

Lihat halaman sebelah

	Masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga.	Ipah sanggup meninggalkan suaminya Tau dan anak kecilnya Itai kerana mahu mengikut Johny iaitu lelaki Inggeris yang datang ke kawasan hutan iaitu di tempat tinggal mereka. Tindakannya itu telah menyebabkan Tau kesunyian dan hidup menyendiri di dalam hutan.
	Masyarakat yang suka membeza-bezakan orang lain.	Masyarakat orang asli di Bukit Mat Raya telah memulaukan Ipah kerana menganggapnya seperti ahli sihir disebabkan rupa paras dan fizikalnya yang berbeza dengan orang lain.
Renyah	Masyarakat yang terlibat dalam masalah/ perbuatan yang tidak bermoral/gejala negatif/ menyalahi undang-undang.	Anak-anak Datuk Dolhi terlibat dengan pelbagai masalah. Ilham terlibat dengan kumpulan menghasut orang asli di Sarawak menentang projek pembangunan kerajaan. Dani pula terlibat dengan masalah penagihan dadah manakala Hasnol terlibat dengan perbuatan rasuah.
	Masyarakat yang terlibat dalam ajaran sesat.	Anak Datuk Dolhi iaitu Mukhlis terpengaruh dengan kumpulan ajaran sesat sehingga dia mengambil keputusan untuk tinggal di perkampungan Jemaah ajaran sesat itu dan berkahwin dengan ahli jemaah kumpulan tersebut (janda tok gurunya) tanpa pengetahuan ibu bapanya.
	Masyarakat yang suka menabur fitnah.	Alias telah memfitnah Adila dengan mengatakan Adila menghidapi penyakit AIDS dan Bujei/Hafiz dikatakan seorang ‘maniac’. Alias membuat fitnah tersebut dengan harapan Bujei dan Adila berpisah dan dia mendapat perhatian/cinta Adila.

Lihat halaman sebelah

Sutera dalam Lukisan	Masyarakat yang tamak akan harta dan wang ringgit.	Harun sanggup melakukan kekerasan terhadap isterinya Fatimah (ibu Bujei) untuk mendapatkan wang ringgit dan harta pusaka Fatimah. Sikap Harun yang tamak dan tidak berperikemanusiaan telah menjadi punca kematian Fatimah apabila berlakunya pertengkaran antara mereka sebelum Fatimah meninggal dunia dalam kebakaran.
Papa...(akhirnya kau tewas jua!)	Masyarakat yang gagal mengawal kerakusan nafsu.	Muaz al-Khalibi telah mengadakan hubungan dengan wanita Indonesia yang bekerja sebagai pengemas bilik.
	Masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap bayi yang dilahirkan.	Muaz al-Khalibi tidak mahu menerima bayi yang dilahirkan oleh wanita Indonesia menyebabkan wanita tersebut meninggalkan bayi yang dilahirkannya itu di tepi longkang berhampiran masjid.
	Masyarakat yang menyimpan dendam terhadap seseorang yang menjadi punca musibah keluarga.	Jeffri masih tidak dapat melupakan peristiwa Datuk Mustaqim melanggar ibu dan ayahnya sehingga menyebabkan kematian ayahnya dan ibunya pula lumpuh.
Konserto Terakhir	Masyarakat yang mementingkan darjat dan pangkat sehingga sanggup menghina orang lain.	Datin Salmah sanggup menghina Hilmi walaupun dia merupakan anak saudaranya kerana hidupnya miskin dan berasal dari kampung.
	Isteri yang terlalu sibuk dengan tugas sosial sehingga mengabaikan tanggungjawab rumah tangga.	Datin Salmah terlalu sibuk dengan tugas sosialnya dan berpersatuhan hingga tiada masa untuk menguruskan rumah tangga.

	Masyarakat yang jahil dalam soal agama kerana terpengaruh cara hidup barat.	Datin Salmah dan Datuk Johari tidak menunaikan solat kerana terikut-ikut cara hidup barat dan mereka juga meminum arak.
	Masyarakat yang mementingkan kemewahan dan kebebasan hidup.	Azizah yang menginginkan kehidupan yang mewah dan berasa hidupnya terkongkong sebagai suri rumah telah sanggup meninggalkan suaminya Hilmi.
Melunas Rindu	Masyarakat yang kurang komited terhadap tugas.	Cikgu Zamani sering ponteng kelas tambahan yang diatur oleh pihak sekolah tanpa sebab yang munasabah. Sikap buruk Cikgu Zamani ini semakin menjadi-jadi apabila dia cuba mempengaruhi guru-guru lain untuk mengikuti jejak langkahnya termasuk Fuad.
	Masyarakat yang gagal menangani masalah peribadi.	Akibat tekanan masalah iaitu ditinggalkan isterinya, Susan dan masalah Fuad, Robert Lim bertukar menjadi perengus. Pembantu rumahnya sudah bertukar empat kali gara-gara tidak tahan dengan perangainya itu.
	Masyarakat yang mengalami konflik rumah tangga sehingga menyebabkan perpisahan.	Setelah Mariana pulih dari sakit gila meroyan, Mariana mendesak Mariah memberitahunya lokasi anaknya itu. Mariah memberitahu bahawa anaknya telah dijaga oleh datuknya. Mariana kecewa kerana Roslan (Robert Lim) meninggalkannya tanpa sebarang penjelasan.
	Masyarakat yang pendendam.	Mak Mah membenci Fuad kerana hal yang terjadi antara dia dengan Sofia. Orang kampung turut marah akan Fuad gara-gara hal tersebut. Fuad melarikan Sofia daripada Mak Mah untuk diserahkan

		kepada keluarga sebenarnya dan akhirnya Sofia meninggal dunia. Perkara ini menimbulkan perasaan benci Mak Mah kepada Fuad.
Kabus di Perbukitan	Masyarakat yang mengalami masalah penceraian.	Ayah dan ibu Faridah telah berpisah setelah ayahnya berkahwin dengan Hamidah. Malah ayahnya telah membawa saudara kembar Faridah iaitu Rahayu. Selain kehilangan kasih sayang seorang anak, ibu Faridah iaitu Salmah juga terpaksa berusaha sendiri untuk hidup dan membesarkan Faridah tanpa bantuan daripada sesiapa.
	Masyarakat yang mempunyai pegangan agama yang longgar.	Melina hidup bebas disebabkan oleh pengaruh persekitaran yang meresapi jiwanya. Melina digambarkan meminum minuman keras dengan alasan untuk memanaskan badan.
	Masyarakat yang ekstrim dalam soal agama.	Mohamed Attar telah berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada Benny dan tokoh-tokoh agama di negara ini untuk sama-sama berjuang menegakkan kedaulatan agama Islam. Dia menanamkan semangat untuk berjuang menentang musuh-musuh Islam seperti di Palestin dan Iraq.

- 4 (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu peristiwa** yang menggambarkan **nilai ketaatan** yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

Novel	Pernyataan Peristiwa	Huraian Peristiwa
Papa...(Akhirnya kau tewas juga!)	Peristiwa seorang anak yang taat kepada ibu bapanya.	Julia taat kepada perintah papa agar menjadi seorang anak yang baik. Dia tidak meneruskan persahabatannya dengan Rasylan kerana akur akan perintah papanya. Julia menunaikan solat maghrib berjemaah dengan papanya.
	Peristiwa seorang isteri yang taat akan suaminya.	Maliana sangat taat akan suaminya sehingga sanggup mengandung buat kali kedua walaupun pernah mengalami komplikasi yang teruk semasa mengandungkan anaknya yang pertama.
Konserto Terakhir	Peristiwa seorang hamba yang taat kepada perintah Allah.	Hayati mula mendekatkan diri kepada Allah dengan mendirikan sembahyang dan membaca buku-buku agama. Hilmi tidak pernah meninggalkan solat walau di mana-mana sahaja dia berada.
	Peristiwa seorang pekerja yang taat kepada majikan.	Hilmi menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh amanah sebagai tukang kebun di rumah Datin Salmah dan Datuk Johari walaupun dia sering dihina dan tidak pernah dihargai.
	Peristiwa seorang anak yang taat pada perintah ibu bapa.	Hayati bersetuju berkahwin dengan Mohsin walaupun dia mencintai Hilmi kerana akur akan permintaan ibu bapanya.
Azfa Hanani	Peristiwa seorang hamba yang taat pada perintah tuhan.	Azfa Hanani rajin bersembahyang dan pada setiap malam Jumaat dia akan membaca al-Quran untuk disedekahkan kepada arwah ayah dan ibunya.
	Peristiwa seorang pelajar yang taat pada arahan gurunya.	Azfa Hanani patuh akan arahan gurunya yang menyuruhnya pergi ke bilik pengetua untuk berjumpa dengan seseorang.

Lihat halaman sebelah

	Peristiwa seorang anak buah yang taat pada arahan ketua kumpulan.	Azfa Hanani taat pada arahan Ekran untuk menggantikan Tengku Elina sebagai pengurus forum remaja.
Kembara Amira	Peristiwa seorang anak yang taat pada perintah bapanya.	Itai taat dan mematuhi arahan bapa Ludin supaya tidak membawa orang luar ke kawasan lubuk emas.
	Peristiwa seorang anak yang taat pada perintah ibunya.	Malique taat pada arahan ibunya untuk mengikut John O'hara pergi ke Bukit Mat Raya walaupun dia tidak menyukai John O'hara.
Renyah	Peristiwa seorang anak yang taat pada perintah bapa.	Wahi taat pada perintah bapanya dengan menerima amanah sebagai pewaris syarikat perniagaan bapanya sebagai Pengarah Urusan Dolhi Albert Holdings.
	Peristiwa seorang yang taat pada perintah agama.	Datuk Dolhi dan isterinya, Datin Tominah akan mengerjakan umrah dan haji sebaik sahaja masalah keluarga mereka selesai.
	Peristiwa seorang isteri yang taat kepada suaminya.	Datin Tominah sentiasa memberi layanan yang baik kepada suaminya dengan menyediakan makan minum.
Novel Sutera Dalam Lukisan	Peristiwa seorang anak yang taat pada perintah bapa.	Shamsul taat pada perintah bapanya yang menyuruhnya mencari Bujei kerana bapanya tidak melihat kelibat Bujei. Sidang Saman risau akan keselamatan Bujei.
	Peristiwa ketataan anak buah pada perintah ketua.	Alias yang telah merosakkan radio Bujei telah diminta membayar wang ganti rugi RM80 kepada Bujei. Alias akur dengan perintah tersebut.
	Peristiwa seorang pesakit yang taat pada arahan orang yang cuba memulihkannya.	Bujei menuruti segala arahan Adila untuk berjumpa dengannya bagi memulihkannya daripada sakit mental.
Melunas Rindu	Peristiwa taat seorang hamba pada perintah tuhan.	Fuad atau Abdul Halim atau Joshua seorang yang taat akan suruhan agama dengan mengerjakan solat lima waktu ketika bermusafir walaupun dia ialah seorang mualaf.

	Peristiwa seorang yang taat pada hukum agama.	Farhana tidak meneruskan percintaannya dengan Fuad setelah mengetahui mereka merupakan adik beradik.
Kabus di perbukitan	Peristiwa seorang isteri yang taat kepada suaminya.	Melina taat kepada suaminya walaupun suaminya jarang balik ke rumah dan meninggalkan dirinya tanpa dapat dikesan.
	Peristiwa seorang hamba yang taat akan perintah agama.	Semasa berada di Cameron Highlands, Soleh menunaikan sembahyang di masjid secara berjemaah pada setiap hari.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT